

Headline	10 qari, qariah perdengar bacaan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	15 May 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	14	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	523 cm ²
Journalist	nahar.latib@utusan.com.my	AdValue	RM 10,432
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,296



Johan menunggu jalani latihan di gimnasium tingkatan pernafasan 10 qari, qariah perdengar bacaan

Oleh SHAHRINNAHAR LATIB

nahar.latib@utusan.com.my

KUANTAN 14 Mei - Latihan konsisten termasuk dari segi fizikal merupakan aspek utama dalam memastikan mutu bacaan para peserta Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-57 di sini berada pada tahap terbaik.

Sehubungan itu johan qari menunggu, Anuar Hasin, 30, berkata, dia menjadikan latihan di gimnasium sebagai salah satu rutin

bagi meningkatkan aspek pernafasan dalam usaha memberikan bacaan yang sebaik mungkin pada hari ini.

"Saya sentiasa meluangkan masa dengan aktiviti riadah supaya kekal cergas selain mengamalkan pemakanan yang sihat dan seimbang.

"Selain itu, pelbagai persediaan sudah dilakukan termasuk pergi ke gimnasium untuk meningkatkan aspek pernafasan agar dapat memberi

yang terbaik kerana persaingan adalah sengit tahun ini," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini.

Anuar adalah antara qari yang memperdengarkan bacaan pada hari pertama tilawah yang berlangsung di Dewan Jubli Perak Sultan Ahmad Shah, di sini malam ini.

Dia turut menyifatkan pertandingan tilawah pada tahun ini agak sengit kerana disertai ramai qari dan qariah berpengalaman.

"Malah saya juga difahamkan ada peserta pernah menjadi johan di peringkat antarabangsa. Bagaimanapun, saya akan mencuba yang terbaik untuk mengekalkan kejuaraan ini," katanya.

Sementara itu, seorang qariah muda dari Terengganu, **Nor Hidayah Abd. Rahman**, 23, berkata, dia turut mengamalkan diet seimbang untuk menjaga suara.

Katanya, bagi memperdengarkan bacaan terbaik, dia tidak meminum ais selain mengelak menjamah makanan berminyak serta pedas.

"Saya tidak berapa sihat hari ini, namun tetap buat yang terbaik untuk mengharumkan nama negeri

saya," katanya yang turut memperdengarkan bacaan hari ini.

Selain Anuar dan Nor Hidayah, peserta lain yang turut memperdengarkan bacaan ialah qari dari Perlis, Mohd. Mawardi Jamaludin; Abdullah Fahmi Che Nor@Shukri (Kelantan); Ahmad Naeim Mohd. @

Mat Isa (Pahang) dan Amirahman Abas (Negeri Sembilan).

Turut memperdengarkan bacaan ialah qariah Kedah, Nor Afifah Abd. Rahman; Munirah Kasim (Kelantan); Normalina Alias (Wilayah Persekutuan) dan Sarina Che Yahaya (Perlis).

Majlis tilawah tahun ini yang bertemakan 'Wassatiyyah Tonggak Kesatuan Ummah' menyaksikan 30 peserta mengambil bahagian iaitu masing-masing 14 qari dan 14 qariah serta dua johan menunggu.

Majlis tilawah kali ini menyaksikan johan qari dan qariah akan membawa pulang wang tunai masing-masing RM30,000, sebuah kereta Proton Preve 1.6 CVT Executive sumbangan Tabung Haji, piala pusingan dan iringan, sijil penyertaan serta pakej ibadat haji.

Naib johan serta tempat ketiga pula masing-masing akan menerima RM20,000 dan RM10,000 bersama piala iringan cenderamata serta sijil penyertaan.

Selain diperdengarkan bacaan ayat-ayat suci al-Quran, penonton juga dapat meningkatkan ilmu agama dengan ceramah yang disampaikan oleh Ustaz Badli Shah Alauddin dari Jabatan Agama Islam Pahang, malam ini.

Headline	10 qari, qariah perengar bacaan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	15 May 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	14	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	523 cm ²
Journalist	nahar.latib@utusan.com.my	AdValue	RM 10,432
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,296



ANUAR HASIN



**NOR HIDAYAH
ABD. RAHMAN**

INFO

Peserta yang membaca pada malam pertama Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan hari ini (14 Mei Rabu)



**MOHD. MAWARDI
JAMALUDIN**



**NOR 'AFIFAH
ABD. RAHMAN**



**ABDULLAH FAHMI
CHENOR@SHUKRI**



**MUNIRAH
KASIM**



**AHMAD NAEIM
MOHD. @ MAT ISA**



**NORMALINA
ALIAS**



**SARINA
CHE YAHAYA**



**AMIRAHMAN
ABAS**



ORANG ramai yang hadir khusyuk mendengar bacaan ayat suci al-Quran dalam Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Ke-57 di Dewan Jubli Perak, Sultan Ahmad Shah, Kuantan, Pahang, semalam. - UTUSAN/AHMAD ZAKKI JILAN